

## Kestabilan yang menarik

PERSETUJUAN Kuwait pada dasarnya hendak membiayai lima lagi projek pembangunan Malaysia dan menyertai tiga perindustrian berasaskan sumber-sumber tempatan adalah satu bukti lagi bahawa jika keadaan sesebuah negara itu stabil dan aman, modal asing tidak keberatan didatangkan kepadanya.

Malaysia adalah salah sebuah negara yang paling stabil di Asia malah lebih stabil dari setengah-setengah negara di Amerika Selatan dan Eropah. Oleh itu tidaklah hairan, selain dari negara-negara di Asia Barat, beberapa buah negara di Eropah dan Asia sendiri tertarik untuk menyertai pembangunannya.

Lebih besar ertinya ialah persetujuan Kuwait yang baru ini dicapai selepas selesai sahaja pilihanraya yang telah memberi kemenangan besar kepada Barisan Nasional untuk membentuk kerajaan di Pusat dan di Negeri-negeri.

Kuwait telahpun bersetuju untuk membiayai tujuh projek sebelum ini. Dengan persetujuan baru itu, maka jumlah projek yang akan dibiayai oleh Kuwait telah meningkat kepada 12.

Senarai projek-projek baru yang dipersejutujui pada dasarnya akan dibiayai oleh Kuwait itu telahpun disampaikan melalui rombongan perdagangan Kuwait yang sedang melawat negara ini diketuai oleh seorang pengarah di Kementerian Hal Ehwal Luar Kuwait, Dr. Tariq Razzouki.

Malaysia dan Kuwait telahpun bersetuju untuk menimbang cadangan menubuhkan sebuah badan kewangan untuk melicinkan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua buah negara itu.

Harus diingat bahawa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, yang telah melawat beberapa buah negara Eropah tidak lama dahulu, telahpun berjaya menarik minat negara-negara itu untuk melabur di Malaysia. Bolehlah dipercayai bahawa minat mereka itu telah bertambah kuat setelah mengetahui keputusan pilihanraya yang baru lalu.

Negara Asia yang banyak sekali melabur di sini ialah Jepun. Pakar-pakar Jepun dan Korea juga sedang menyertai projek-projek pembangunan tanahair, yakin tentang kestabilan negara ini baik di segi politik mahupun perdagangan.

Walaupun banyak dari faedah projek-projek itu dinikmati oleh Malaysia, termasuk memberi pekerjaan kepada tidak sedikit rakyatnya yang menganggur, tetapi negara-negara yang turut memberi bantuan itu beroleh faedahnya juga. Inilah yang menarik minat mereka untuk datang ke sini.

Satu faktor yang mungkin menarik perhatian negara-negara asing ialah keyakinan Bank Dunia kepada masa hadapan Malaysia. Pembiayaan asing di negara ini adalah terjamin akan lebih dari "pulang modalnya". Tidak timbul soal harta-harta asing di negara ini akan hilang. Kestabilannya adalah penjamin yang paling kuat.